

DATE: 9/10/2008

Dua inisiatif dibentang: Abdullah

Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, Pencegahan Rasuah akan diwujudkan

Oleh Norfatimah Ahmad, Anwar Hussin, R Magendran, Nahar Tajri dan Khairul Azran Hussin
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Rang undang-undang mengenai penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia akan dibentangkan pada sidang Parlimen yang bermula minggu depan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, penubuhan dua suruhanjaya itu dan satu lagi Suruhanjaya Aduan Khas adalah antara beberapa inisiatif yang akan dilaksanakan sebelum beliau berundur daripada parti dan kerajaan pada Mac tahun depan.

"Ada beberapa inisiatif yang saya ingin laksanakan sebelum saya menyerahkan tugas dan tanggungjawab kepada bakal pengganti saya.

"Inisiatif ini penting untuk membolehkan negara kita terus melangkah maju. Inisiatif ini akan memperbaiki daya saing negara dan membolehkan Malaysia mengharungi cabaran luaran yang pasti mendatang," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, semalam.

Abdullah yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN, menjelaskan rang undang-undang itu apabila diluluskan, akan memberi suruhanjaya itu mandat lebih besar.

"Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman akan diberi mandat untuk mencadangkan pelantikan hakim dengan cara yang telus dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah pula

akan mempunyai kuasa penyelidikan dan penguatkuasaan yang lebih besar berbanding kuasa yang sedia ada pada Badan Pencegah Rasuah (BPR)," katanya.

Beliau berkata, Suruhanjaya Aduan Khas pula ditubuhkan bagi memperkukuhkan integriti dan keberkesanan agensi penguatkuasaan.

"Ketika membentangkan Bajet 2009 yang lalu, saya sudah menjelaskan mengenai komitmen kerajaan untuk memperkukuh dan memperluaskan Jaringan Keselamatan Sosial.


"Kita akan meningkatkan usaha bagi memastikan pelaksanaan inisiatif ini dapat disegerakan bagi membantu rakyat yang miskin dan memerlukan tanpa mengira latar belakang, kaum atau agama.

"Saya juga akan bekerja keras untuk memastikan manfaat yang jelas akan dapat mula dinikmati di Iskandar Malaysia dan juga koridor pembangunan lain di seluruh negara," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, beliau ingin melihat kerajaan dan BN memperbaharui komitmen terhadap usaha mewujudkan sebuah negara yang bersatu dan harmoni.

"Hakikatnya, kita sudah sama-sama melihat bahawa keharmonian hubungan antara kaum dan agama semakin merosot dan terhakis. Pelbagai isu dibangkitkan berupaya meretak dan menghancurkan perpaduan yang kita jalin sekian lama, yang kita banggakan selama ini.

"Isu ini perlu kita depani dengan bijak dan matang, menerusi dialog; tangani isu ini secara konstruktif dan



ABDULLAH dan Najib bersalaman selepas mesyuarat Dewan Tertinggi BN, di Kuala Lumpur, semalam.

“Inisiatif ini penting untuk membolehkan negara kita terus melangkah maju. Inisiatif ini akan memperbaiki daya saing negara dan membolehkan Malaysia harungi cabaran luaran”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

adil bagi memastikan rakyat dapat memahami isu-isu ini dengan jelas, tanpa sebarang keraguan dan berikan fokus kepada aspek yang menyantukan kita dan bukannya aspek yang makin memecah-belahkan kita.

"Bagi tujuan ini, saya akan mengadakan Konvensyen Barisan Nasional pada awal tahun depan. Ini sememangnya satu usaha jangka panjang yang saya harap dapat saya mulakan dan akan terus saya berikan sumbangan bagi memastikan kejayaannya," katanya.

Menjawab soalan, Abdul-

lah menafikan tindakannya memelopori pelbagai pembaharuan dan reformasi yang liberal menjadi punca desakan supaya beliau melepaskan jawatan lebih awal.

Abdullah juga percaya inisiatif yang dilakukannya itu tidak akan menghadapi sebarang halangan walaupun selepas beliau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri.

"Mungkin ada pandangan yang berbeza berhubung inisiatif ini, tetapi ia bukan satu halangan bagi menjayakannya," katanya.